

PANGGILAN TEMU DUGA PENGAMBILAN JAWATAN PERANGKAWAN GRED E41

1 message

BAHAGIAN PENGAMBILAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

<pengambilan@spa.gov.my>

To: SARAH AFIQAH BINTI KAMARUZAMAN <sarahafiqah.work@gmail.com>

Thu, Jan 26, 2023 at
3:25 PM

SARAH AFIQAH BINTI KAMARUZAMAN
No. KP : 970218145040

Tuan/Puan,

PANGGILAN TEMU DUGA PENGAMBILAN JAWATAN PERANGKAWAN GRED E41 DI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan dengan ini dijemput menghadiri temu duga bagi jawatan tersebut pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

JAWATAN	:PERANGKAWAN GRED E41
TARIKH TEMU DUGA	:07/02/2023
MASA TEMU DUGA	:10:00 pagi
TEMPAT TEMU DUGA	:PUSAT TEMU DUGA SPA PULAU PINANG 2B-SPA-3.11, ARAS 3, UTC KOMTAR 10000 GEROGE TOWN PULAU PINANG

3. Tuan/ Puan diwajibkan membawa bersama **dokumen-dokumen asal sahaja** semasa temu duga serta **disusun** mengikut turutan seperti berikut:

- MyKad/ Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran calon;
- Sijil SPM/ SPMV/ SVM (bukan slip peperiksaan);
- Sijil STPM/ STAM/ Sijil Matrikulasi KPM/ Sijil Politeknik/ Sijil daripada Institusi yang berkaitan (bagi jawatan Gred 29 sahaja);
- skrol dan transkrip akademik bagi pemegang Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah. Calon adalah diwajibkan untuk menyediakan terjemahan skrol dan transkrip dalam Bahasa Melayu/ Inggeris bagi yang menggunakan bahasa lain (jika berkenaan);
- Surat Pengesahan Senat/ Jawatankuasa berkaitan dan juga mini transkrip akademik (jika berkenaan) bagi calon yang belum memperolehi skrol Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah;
- sijil-sijil lain yang berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas (jika berkenaan);
- slip keputusan peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan bagi **pegawai Peningkatan Secara Lantikan**;
- surat tawaran biasiswa bagi pemegang biasiswa JPA (jika berkenaan);
- Kad Orang Kurang Upaya/ surat pengesahan berdaftar dengan eKasih (jika berkenaan);
- sijil kegiatan luar;

- (k) Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan dan Surat Perakuan Ketua Jabatan di pautan <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kelayakan/pegawai-sedang-berkhidmat-psl>, LNPT terakhir calon untuk **pegawai lantikan tetap** dalam perkhidmatan awam/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun. Dokumen LNPT hendaklah dilakri oleh Jabatan/ Kementerian sebelum dibawa oleh calon ke pusat temu duga; dan
- (l) salinan Pengakuan Perkhidmatan Anggota (BAT D 92B) dan Kenyataan Perkhidmatan (BAT.D.132/KEW 14) yang disahkan oleh **Jabatan Arah Rekod dan Pencen Angkatan Tentera Malaysia** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2011 (bagi calon Bekas Tentera Malaysia sahaja).

4. Tuan/ Puan juga diwajibkan:

- (a) **melengkapkan** resume di pautan [MyResume](#)
- (b) **memuat naik dokumen asal sebelum menghadiri temu duga ke dalam MyResume:**
- (i) gambar, Mykad/ Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran calon;
 - (ii) Sijil Berhenti Sekolah Menengah;
 - (iii) Sijil SPM/ SPMV/ SVM (bukan slip peperiksaan);
 - (iv) Sijil STPM/ STAM/ Sijil Matrikulasi KPM/ Sijil Politeknik/ Sijil daripada Institusi yang berkaitan (bagi jawatan Gred 29 sahaja);
 - (v) skrol dan transkrip bagi pemegang Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana dan Doktor Falsafah (terjemahan skrol dan transkrip Bahasa Melayu/ Inggeris jika bahasa lain digunakan);
 - (vi) sijil-sijil lain yang berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas (jika berkenaan);
 - (vii) pengiktirafan kelayakan akademik daripada MQA ([di pautan https://www2.mqa.gov.my/esisraf](https://www2.mqa.gov.my/esisraf)), Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah (jika berkaitan) untuk lantikan ke perkhidmatan awam. Sekiranya kelayakan dalam negara yang dicari tidak ditemui, mohon rujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) untuk carian lanjut; dan
 - (viii) Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan dan Surat Perakuan Ketua Jabatan di pautan [Pegawai Sedang Berkhidmat/PSL](#) (jika berkenaan);
- (c) **mencetak dan membawa** senarai semak temu duga daripada sistem MyResume;
- (d) **mematuhi** etika pemakaian untuk menghadiri temu duga; dan
- (e) **diwajibkan memakai** pelindung muka (*face shield*) **atau** pelitup muka (*face mask*) yang dibawa sendiri semasa berada di pusat temu duga; dan
- (f) **memenuhi** syarat vaksinasi lengkap bagi menghadiri temu duga SPA secara bersemuka

5. Tindakan tuan/puan mengemukakan maklumat palsu atau gagal mematuhi perkara 3 dan 4 di atas/ SOP seperti di **LAMPIRAN A** boleh menjejaskan pertimbangan Suruhanjaya untuk tujuan lantikan.

6. Tuan/Puan hanya dibenarkan berada di pusat temu duga tidak lebih awal 30 minit dari masa yang dijadualkan bagi tujuan penjarakan sosial. Bagi calon temu duga di **SPA Putrajaya**, tuan/ puan dikehendaki untuk mendaftar diri terlebih dahulu di **Aras 2**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

UNIT TEMU DUGA

Urus Setia Bahagian Pengambilan

b.p Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Aras 1-2 & 4-13, Blok F1, Kompleks F,

No. 2, Lebuhraya Perdana Timur A, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62000 PUTRAJAYA.

Tel : 603 8091 9391/9366/9406/9415

Emel : utdpg@spa.gov.my

(Emel ini adalah cetakan berkomputer, tidak memerlukan tandatangan dan tidak perlu dibalas)